

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 01 Mac 2017 11:15
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Wanita Suis Untuk Kehidupan, Belajar Skil Keibubapaan - Ustazah Isfadhah



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



01 MAC 2017 / 02 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

WANITA SUIS UNTUK KEHIDUPAN, BELAJAR SKIL KEIBUBAAPAN - USTAZAH ISFADIAH



UUM ONLINE:

Kalau hidup sekadar hidup
babi di hutan juga hidup
Kalau kerja sekadar kerja
Kera di hutan juga bekerja

Buya Hamka

Demikian bait-bait yang diucapkan oleh Ustazah Isfadhah Mohd Dasuki yang merangsang inspirasi kira-kira 200 peserta Seminar Wanita Unggul: “Kerjaya & Keluarga” yang berlangsung di Pusat Islam, UUM.

Jelasnya, tiga perkara yang disukai Nabi Muhammad SAW iaitu solat yang kusyuk, wangi-wangian dan wanita solehah menunjukkan satu mesej bahawa wanita solehah mempunyai satu *network* untuk bangunkan ummah.

“Suis untuk kehidupan ialah wanita sebab itu Nabi punya harapan besar pada wanita solehah untuk membentuk kehidupan.

“Ada kalanya kita rasa terbeban dengan keluarga sebab tidak tahu fungsikan keluarga, masyarakat runtuh kerana keluarga tidak baik sedangkan Allah cipta pasangan, keluarga sebagai alat untuk dekat pada-Nya dan melihat sesuatu untuk kaitkan dengan Allah.

“Allah menciptakan kita untuk menjadi hamba tapi hari ini kita menjadi hamba kepada diri, kerja, boss dan tidak ada niat, matlamat yang jelas jadi perbetulkan niat.

“Bila terlalu sibuk kita akan stress, kita buat perangai, anak-anak lambat sembahyang marah.. marah suami, waktu tengah marah tanya balik, aku ni apa hal?

“Rupa-rupanya nak period, hormon yang keluar yang kita tidak kenal padahal *period* kawan baik kita, setiap bulan kita akan jumpa dia jadi sediakan diari untuknya,” ujarnya.

Ujarnya, peribadi boleh dibentuk melalui persekitaran, pemakanan dan keturunan malangnya, anak-anak kita Rasulullah pun tidak kenal, tidak boleh *imagine* dan jadi macam mana akan dapat *role model*.

“Bayangkan dalam rumah, kiblat kita *handset*, t.v dan lap top sentiasa dalam pelukan sedangkan anak ingin ditatap dibelai dimanja tapi kita sentiasa merenung Whatapps, ini masalahnya jika tidak ada kemahiran keibubapaan,” tegasnya.

Kongsinya, wanita perlu mempunyai kemahiran untuk berurusan dengan anak-anak, memahami konsep didikan dan asuhan secara holistik mengikut Islam, bagaimana berhubung dengan anak-anak secara positif yang akan membentuk nilai yang baik dan memahami tahap perkembangan anak.

Malah katanya, ibu bapa juga perlu tahu menangani konflik anak-anak dan cara menyelesaikannya terutamanya anak yang meningkat remaja .

“Suami saya seorang yang tegas begitu juga dalam membesarkan anak-anak kalau hitam katanya hitamlah walaupun *purple* ketika dia marah anak yang berusia 13 tahun, saya berada di belakang anak dan tanpa disedari saya terdengar ucapan yang keluar dari mulut anak, kau boleh berambuslah!

“Rasa macam nak tercabut jantung saat itu, perkara yang paling saya takuti telah berlaku dalam keluarga saya lalu saya katakan pada suami.

“Abang ada dua pilihan pertama, kalau abang simpan ego anak-anak akan hilang kedua, kalau buang ego anak-anak akan meluru pada abang.

“Mujurlah suami saya memilih yang kedua, dia meminta maaf pada anak dengan tangisan dalam keadaan anak keras membeku tidak percaya apa yang dilihatnya sejak itu hubungan anak-anak lebih rapat dengan ayahnya berbanding saya, kalau nak mengadu semuanya cari ayah.

“Jadi buanglah ego, ego bukan keturunan sesiapa kecuali syaitan mohon maaf walaupun kita tidak salah untuk perbaiki keadaan akan rasa bahagia, tenang menyelinap masuk dalam hati, jadi talak tiga ego!” ceritanya berkongsi pengalaman.

Wanita perlu memahami matlamat hidup, berkeluarga dan mempunyai anak, menguasai ilmu fardhu ain, memahami cara mendidik anak, menguasai skil komunikasi berkesan, fahami ilmu psikologi membesarkan anak dan menjadi *role model* kepada anak

Mengupas kerjaya untuk membangunkan ummah beliau mengambil contoh wanita syurga seperti Khadijah, Maryam, Asiah dan Fatimah yang patuh tanpa syarat, pendamping nabi, memiliki kekuatan sendiri, berjaya mengatasi nafsu sendiri dan penyokong kebenaran.

“Lihat isteri Rasulullah, Khadijah r.a wanita pertama menerima Islam yang korbakan seluruh harta menjadi tempat mengadu, pendengar yang baik, pandai simpan rahsia, beri nasihat dan menghiburkan jadi terapkan elemen ini dalam keluarga.

“Lihat bagaimana Maryam mengorbankan maruah untuk mengandungkan Nabi Isa sehingga dicemuh sebagai wanita zina, Asiah menjadi isteri kepada sezalim-zalim manusia bernama firaun sedangkan beliau beriman.

Bagaimana kehidupan Fatimah yang mengorbankan statusnya sebagai puteri sedangkan beliau puteri Rasulullah tetapi tidak dilayan sebagai puteri malah hidup susah dalam menegakkan Islam.

Kerja menjadi ibadah apabila niat kerana Allah, tidak terlibat dengan yang haram, tidak meninggalkan yang wajib (misalnya sertai seminar sampai tidak sembahyang) dan tidak mudaratkan orang lain.

Beliau turut memberi 6 ciri mukmin yang berjaya iaitu kusyuk dalam solat, meninggalkan perkara sia-sia, menunaikan zakat, menjaga kehormatan diri, menjaga amanah dan janji serta sentiasa menjaga solat.

“Untuk mencapai kebahagiaan fahami tujuan hidup, kenapa kita dilahirkan, kenapa belajar, kenapa kahwin dan kenapa bekerja seterusnya kaitkan dengan Allah.

Tambahnya, fahami dan ikuti manual kehidupan iaitu quran dan hadis jadikan Al-Quran sebagai kawan dan minta Allah tegur.

“Caranya mudah, apabila kita menghadapi masalah berdepan kesusahan dalam hidup cari quran terjemahan, selawat dan buka lembaran Al-Quran dan lihat di sebelah kanan, mungkin ayat yang ditatap itulah jawapan bagi kekusutan kita,” kongsi dalam seminar anjuran Pusat Islam.

Kita rasa diri tidak sempurna tetapi *expect* suami 100% sebab itu bila nampak kelemahan suami, lihat diri sendiri, muhasabah diri kesempurnaan hanya milik Allah.

Katanya, institusi keluarga bertambah mantap dengan penglibatan seorang ayah dalam membentuk keluarga misalnya dua kali ganda anak masuk universiti, 80% anak tidak masuk penjara, 39% dapat A, 75% tidak mengandung anak luar nikah jadi isteri perlu membangunkan fungsi ayah.

“Cara lelaki dan wanita berfikir sangat berbeza, wanita bila sedih kaitkan dengan perkara lain sehingga berserabut manakala lelaki pemikirannya lebih tersusun ibarat kotak-kotak, ada kotak sedih, gembira.. yang kita nampak dia sedang berfikir sedangkan dia tidak fikir apa-apa itulah kotak kosong,” ulasnya.

Menurut kajian yang dijalankan selama 40 tahun, dalam perkahwinan terdapat 5 fasa iaitu cintan-cintun, *fizikal effection* dan fasa 3 baru terbongkar sikap sebenar pasangan.

“Ramai terkandas pada fasa ini jika bertahan dan melihat pasangan sebagai 1 pakej barulah berjaya masuk fasa melengkapkan kekurangan pasangan dan *change the world*.

“Siapa yang belum berkahwin? ikut kajian wanita lambat berkahwin kerana tidak mendapat calon sesuai jadi jangan tunggu lelaki yang baik macam malaikat sebaliknya cipta malaikat dalam diri suami kita,” luahnya.

Dalam pada itu, seorang peserta mengajukan soalan di mana keberkatan bila seorang isteri bekerja manakala suami berhenti kerja demi menjaga anak yang sakit.

“Isteri sentiasa percaya duit yang masuk dalam poketnya merupakan jalan yang Allah bagi untuk suami bila keluar bekerja kita minta izin, disitulah keberkatannya cuma kena berbincang tentang tanggungjawab termasuk ekonomi dan menjaga rumah,” responnya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.